
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

AOP 356 - Pengurusan Perbandingan

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B dan **DUA (2)** soalan daripada Bahagian C.

Bahagian A

Soalan 1 (WAJIB)

- (a) Kenapa penting untuk sebuah organisasi antarabangsa (MNC) beroperasi ‘secara global tetapi bertindak secara tempatan’.
- (b) Bagaimana pengurusan diversiti yang berkesan boleh menwujudkan kelebihan persaingan sebuah organisasi antarabangsa?

[30 markah]

Bahagian B : (Pilih DUA (2) soalan sahaja)

Soalan 2

Bincangkan sejauhmanakah tahap pendidikan yang tinggi di kalangan penduduk tempatan itu penting untuk sebuah organisasi yang ingin memulakan operasinya di lokasi itu. Adakah ia lebih penting untuk jenis-jenis perniagaan yang tertentu sahaja?

[20 markah]

Soalan 3

Huraikan masalah-masalah yang mungkin akan dihadapi oleh seorang expatriate yang akan kembali ke negara asalnya. Pilih dan bincangkan 4 yang pada pendapat anda terpenting sekali. Bagaimana sebuah organisasi antarabangsa boleh mengatasi masalah-masalah ini?

[20 markah]

Soalan 4

Sejauhmanakah Teori Keperluan Maslow dan Teori Dua Faktor Herzberg boleh diaplikasikan secara universal oleh organisasi antarabangsa untuk meningkatkan tahap produktiviti dan motivasi para pekerja mereka?

[20 markah]

Bahagian C : (Pilih DUA (2) soalan sahaja)

Soalan 5

Huraikan 3 alasan utama kenapa perancangan strategik lebih rumit pada tahap global jika dibandingkan dengan perancangan strategik pada tahap tempatan.

[15 markah]

Soalan 6

Huraikan 4 dimensi budaya yang telah diperkenalkan oleh Hofstede.

[15 markah]

Soalan 7

Pilih 4 kriteria yang pada pendapat anda adalah yang terpenting sekali dan boleh dianggap kriteria universal, yang harus digunakan sebagai panduan semasa proses pemilihan staf untuk berkhidmat di luar negeri.

[15 markah]

- oooOooo -